

# Kebudayaan Islam

## Mengenang kegiatan Islam di lapangan Ilmu Pengetahuan

(Disusun Oleh: Fauzi Haji Awang al-Fātīmī)

Tak dapat disangkal lagi bahawa kita umat Islam jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan orang-orang lain. Dan jauh pula perbezaan kalau kita kembali membuka lembaran sejarah serta membandingkan keadaan kita dengan kegiatan kaum Muslimin dalam zaman keagungan dan kemajuan dahulu.

Untuk mengetahui rahsia keagungan zaman itu marilah kita sama-sama melihat kegiatan yang telah diusahakan oleh angkatan yang terdahulu dari kita hingga mereka dapat mencipta zaman kegemilangan dan berjaya mendaki gunung kemuliaan dan kejayaan.

Allah mengutuskan junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) ke dunia ini ialah untuk memimpin ke alam bahagia, membawa manusia dari gelap kejahanan kepada cahaya kemulian, dari hina kepada mulia, dari mundur kepada maju dan begitulah seterusnya. Beliau lahir di tengah-tengah masyarakat jahiliah yang penuh dengan noda dan dosa. Membawa akidah keislaman, akidah yang mengajarkan manusia menggunakan fikiran dan bekerja bertungkus lumus mencari kehidupan dunia dan akhirat, mengajak manusia hidup di atas prinsip-prinsip dan pengajaran-pengajaran yang belum pernah diketahui oleh masyarakat manusia sebelumnya. Perkembangan rohani dan jasmani sama-sama dipentingkan. Sabdanya: Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya; dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah engkau akan mati esok hari.

Tugas beliau yang paling besar ialah menyampaikan

seruan Islam kepada sekalian manusia, menunaikan amanah Tuhan yang telah diberi kepadanya serta memberi huraian dan kupasan-kupasan dalam hukum-hukum dan syariatnya supaya sekalian umatnya dapat berpegang teguh dengan konsep yang dibawanya itu. Untuk menyempurnakan tugasnya itu beliau berdamping rapat dengan para sahabat yang terdiri dari kaum Muhibbin dan Ansar diajar mengikut membaca ayat-ayat Qur'an, memberi hadis-hadis, menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada beliau, menerangkan masalah yang dihadapi mereka, bermesyuarat dengan mereka dalam sesuatu kesukaran serta mereka itu ke arah berfikir, mengkaji dan memerhati, di dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang mengajak dan menyuruh kita berfikir, menyiasat dan mengkaji rahsia-rahsia alam ini. Di antara ayat-ayat ialah (ertinya): "Sesungguhnya di dalam kejadian langit dan bumi, juga perselisihan malam dan siang menjadi tanda bagi orang-orang yang mempunyai fikiran." (Surah al-Baqarah 190) dan ayat (ertinya): "Dan pada bumi adalah tanda bagi orang-orang yang yakin, dan diri kamu sendiri apakah tidak kamu lihat?" (al-Dhāriyā 20-21)

Al-Qur'an dan al-hadis adalah menjadi punca kajian orang-orang Islam. Sabda Rasulullah (ertinya): Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu suatu yang sekiranya kamu berpandu kepadanya, tentu kamu tidak akan

sesat selama-lamanya itulah kitab Allah dan sunah Rasulnya". Setelah junjungan kita wafat, maka orang-orang Islam berusaha mengkaji dan mempelajari isi kedua-dua pusaka itu serta disebarluaskan pula inti sari yang terkandung di dalamnya kepada orang ramai supaya dapat menjadi pertunjuk dan menjadi suluh dalam hidup, hidup di dunia dan hidup di akhirat. Untuk melaksanakan tujuan ini, sahabat-sahabat dan tabi'in yang kenamaan telah mengadakan majlis-majlis pada tempat-tempat yang tertentu: Masjid-masjid, rumah-rumah ibadat untuk mengkaji isi al-kitab (Qur'an) dan al-Sunnah (hadis), menyedut isi-isi pengajaran, cerita-cerita, hukum-hukum, hikmat-hikmat, undang-undang, akidah-akidah dan lain-lain yang tersunting di dalamnya.

Di samping itu mereka mengkaji dan mencari pula bahan-bahan yang lain seperti sejarah orang-orang purbakala, berita-berita yang terdapat di dalam Taurat dan Injil, mengubah dan mengkaji syair-syair: menghimpun prosa-prosa lama yang mana ada pertalian dan titik pertemuan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kegiatan mereka di dalam jurusan ilmu pengetahuan bolehlah dikatakan pesat sekali, samada dalam segi peraturan hidup, akidah dan ibadah.

Pada permulaan orang-orang Arab tidaklah mencarit segala fikiran dan kajian mereka itu, cuma mereka menghafaz dan mencerita daripada mulut ke mulut sahaja. Tetapi setelah mereka meningkat maju dan memandang bahawa ingatan dan perkara-perkara yang dihafaz itu mungkin terlupa, maka orang-orang Islam berpendapat segala-galanya itu mestilah ditulis supaya dapat menjadi pusaka kemudian hari kelak. Oleh yang demikian dalam masa pemerintahan Saiyidina Abu Bakar, al-Qur'an pun dikumpul; dan manakala Saiyidina Uthman bin Affan menjadi khalifah pula sekali lagi al-Qur'an disalin dan dihantar beberapa naskahnya ke daerah-daerah Islam. Inilah awal pertama usaha mengumpul dan membukukannya dalam Islam. Sedang hadis-hadis pada masa itu masih lagi tersimpan di dalam dada-dada para penghafaznya.

Hal ini sehingga sampai zaman pemerintahan Umar bin Abdul Aziz, baharulah hadis disusun. Kegiatan ini bukan sahaja diutamakan dalam segi agama, malah dalam lapangan bahasa, kesusasteraan juga menjadi peranan penting sehingga terciptalah buku-buku kesusasteraan yang bermutu.

Zaman keemasan perkembangan kebudayaan dan peradaban Islam ini dapat dirasa dengan sebenar-benarnya ialah dalam zaman pemerintahan Abbasiyah yang berpusat di bandar Baghdad di mana segala jenis kemajuan telah disalurkan ke dalam masyarakat Islam melalui peradapan Parsi, Yunani, Suryani dan lain-lain lagi. Dengan kegiatan itu maka kekosongan peradapan Islam telah dapat dipenuhi. Ulama-ulama, sarjana-sarjana, doktor-doktor telah dipanggil untuk menyumbangkan tenaga mereka demi kepentingan perkembangan ilmu pengetahuan. Dengan usaha mereka itu bermacam-macam buku ilmu pengetahuan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab melalui bahasa Parsi, Suryani, Ibrani dan Yunani. Khalifah-khalifah Islam telah memilih dan menyokong tinggi terhadap para penterjemah dan ahli-ahli ilmu itu hingga mereka itu diberi layanan dan kesenangan serta kemewahan yang lebih dari sewajarnya.

Kegitan terjemah menterjemah dan perkembangan ilmu pengetahuan dalam zaman abbasiyah ini bolehlah dibahagikan kepada tiga peringkat:

Peringkat pertama di mulai dari zaman pemerintahan Abu Ja'afar al-Mansur sehingga mangkat Harun al-Rashid iaitu dari tahun 136 hijriah hingga 193 hijriah. Di antara ahli-ahli penterjemah dalam zaman itu ialah Yahya bin al-Batriq, Jarjas bin Jarnil (doktor), Abdullah bin al-Muqaffa' (pujangga), Yuhanna bin Masawaih, Salam al-Abrash dan lain-lain lagi.

Peringkat yang kedua ialah dari zaman pemerintahan al-Ma'mun iaitu dari tahun 198 hijriah hingga sampai Tahun 300 hijriah. Di antara penterjemah-penterjemahnya ialah:

al-Hajjaj bin Matar, Qustās bin Lūqā al-Ba‘albakkī, Abdullah Abdul Masīh, Masīh bin Na‘īmah, Ḥunayn bin Ishāq, Ishāq bin Ḥunayn, Tasbit bin Qurraṭ, dan lain-lain lagi. Di antara kita-kitab falsafah Greek yang telah diterjemah ialah buah penn Baqarāt, Jālinūs, Aristutalis dan Aflatūn.

Peringkat yang ketiga ialah dari tahun 300 hijriah hingga pertengahan kurun yang keempat hijriah. Penterjemah-penterjemah yang terkemuka ialah kebanyakannya orang-orang Arab sendiri. Di antaranya ialah, Mattā bin Yunus, Sinān bin Thābit, Yahyā bin Adiy, Abu Ali bin Zur‘ah, Hilāl al-Ḥamṣī dan lain-lain lagi.

Khalifah-khalifah Abbasiyah seperti al-Mansur, Harun al-Rashid dan al-Ma‘mun telah berusaha dengan giatnya memperkembangkan ilmu pengetahuan dan mengkaji intisarinya serta mensesuaikannya dengan ayat-ayat Qur‘an. Dari segala kajian yang telah mereka lakukan itu, mereka dapat kesimpulan bahawa dasar-dasar ilmu pengetahuan dan falsafah semuanya ada di dalam kandungan al-Qur‘an. Oleh yang demikian usaha mentafsirkan al-Qur‘an dengan secara luas dan mendalam telah mendapat tempat yang utama sehingga pada masa itu al-Qur‘an menjadi bahan yang penting di antara bahan-bahan penyelidikan ilmu pengetahuan.

Khalifah Abī Ja‘afar al-Mansur yang memerintah antara tahun (754-775 M) telah berusaha dengan sedaya upaya mengembangkan kebudayaan dan kemajuan Islam. Bandar Baghdad dijadikan pusat perkembangan dan kegiatan ilmu pengetahuan dalam serba lapangan. Kitab-kitab dari bahasa Parsi, Yunani dan Hindi telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Tokoh-tokoh penterjemah seperti Hunayn bin Ishāq giat sekali menterjemahkan buku-buku asing. Beliau telah menterjemahkan buku-buku Abqarāt<sup>1</sup> dan Jālinūs berkenaan dengan ilmu kedoktoran. Begitu juga ibn al-Maqfa‘ menterjemahkan buku kesusasteraan *Kalilah dan Daminah* yang berasal dari bahasa Parsi dan buku Euclid berkenaan geometri. Raja-raja Rom pernah mengirimkan

ke bandar Baghdad beberapa buah buku Geografi untuk dijadikan bahan penyelidikan. Di samping itu baginda khalifah sendiri sebagai seorang yang meriwayatkan hadis, mahir dalam serba ilmu pengetahuan dan keseniannya serta cenderung dalam lapangan kedoktoran dan astronomi.

Seorang pakar ilmu bintang bernama Nubkhat berasal dari Parsi, beragama Majusi dan akhirnya memeluk Agama Islam telah bekerja di istana baginda untuk mempertinggikan lagi dalam lapangan limu falak. Dalam zaman ini ilmu falak telah mendapat perhatian berat dari alim ulama dan digalakkan untuk mempelajarinya. Dalam usaha ini, sebuah kitab dari bahasa Hindi telah diterjemahkan ke bahasa Arab. Inilah kitab yang pertama kali diterjemahkan ke bahasa Aran berkenaan dengan ilmu Astronomi. Setelah itu baharulah beberapa buah buku lagi dari bahasa Greek dan Parsi membicarakan ilmu ini diterjemahkan sebagai hasil kegiatan perkembangan ilmu falak ini, muncullah beberapa orang bangsa Arab yang telah berusaha memperdalamkan pengetahuan mereka dalam lapangan astronomi lalu disediakan tempat-tempat teropong matahari dan bintang sehingga nama-nama pakar astronomi dalam zaman al-Mahdi dan al-Rashid dapat mengharumi dunia astronomi. Kemahiran mereka dalam hal ini dapat dibanggakan hingga mereka telah dapat memperbaiki kesalahan-kesalahan ahli-ahli astronomi bangsa-bangsa asing yang terdahulu. Angkatan inilah yang menjadi pelopor pertama berpendapat bahawa dunia ini bulat dan berkitar di atas paksinya.

Sebagai tempat peneropongan yang pertama diketahui dalam sejarah ialah tempat-tempat yang telah didirikan dalam zaman Khalifah al-Ma‘mun. Bagindalah yang mula-mula sekali mengeluarkan perintah supaya digunakan alat peneropong. Untuk melaksanakan cita-cita ini didirikanlah tempat-tempat peneropongan di atas bukit Qasiun di Damsyik dan al-Shamāsiyah di Baghdad. Kemudian lepas itu baharulah muncul tempat peneropongan lagi. Sambungan pada muka 35.

<sup>1</sup> Kemungkinan perkataan sebenar ialah Baqarāt

## Kebudayaan Islam

Sambungan dari muka 21

di daerah-daerah Islam seperti di negeri Syam dan Mesir.

Bandar Bagdad mengikut zaman kegemilangan ialah dalam zaman Harun al-Rashid yang memerintah di antara tahun (786-808 masihi) dalam zaman inilah serba lapangan telah menempa zaman kegemilangannya, samada segi pembinaan negara dan perkembangan ilmu pengetahuan dan peradaban. Bolehlah dikatakan pada masa ini bandar Bagdad telah menjadi kiblat penuntut-penuntut ilmu pengetahuan. Penuntut-penuntut dari segenap negeri Islam berduyun-duyun datang ke sana untuk memetik ilmu pengetahuan, kebudayaan dan kesenian di sekolah-sekolah tinggi yang bertaburan di sana. Ulama-ulama, ahli hadis, ahli fekah, ahli bahasa, sasterawan, pendita dan sebagainya setiap masa bekerja demi kepentingan ilmu pengetahuan sehingga mereka mendapat penghormatan yang tinggi dari pemerintah.

Perkembangan ilmu pengetahuan ini lebih bersinar lagi dalam zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mun iaitu di antara tahun 198-218 Hijriah (813-832 Masihi). Baginda pernah mengeluarkan perintah supaya kitab-kitab falsafah dan mantik (logik) dari Greek hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Dari sini, selangkah lagi medan alam pengetahuan telah maju ke hadapan dan timbulah ilmu kalam diperbincangkan di kalangan masyarakat dengan hebatnya. Khalifah juga turut serta berbincang dengan alim-ulama, mempelajari ilmu-ilmu agama seperti hadis, tafsir, fekah, bahasa Arab dan sebagainya. Dalam zaman ini timbulah jaguh-jaguh ilmu kalam membincangkan akidah-akidah dan usuluddin serta mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan yang tertentu dalam soal tawhid seperti masalah qada' dan qadar, *qf'al al-ibād* (perbuatan hamba); sifat-sifat Tuhan dan sebagainya.

Usaha memperkembangkan ilmu pengetahuan dan semenjak zaman al-Mansur hingga ke beberapa peringkat khalifah kemudiannya adalah menjadi usaha sambung menyambung, tak putus-putus

berkembang sehingga ke seluruh wilayah-wilayah Islam. Mereka menterjemahkan buku-buku dari berbagai-bagai bahasa, mendirikan sekolah-sekolah, rumah-rumah akademi dalam segenap jurusan ilmu pengetahuan, diajar falsafah-falsafah Aristutālīs, Suqrat, Jālīnūs, Uqlīd dan lain-lain lagi. Pendek kata ilmu pengetahuan dan hasil karya ahli-ahli falsafah dapat dipelajari bersaingan dengan ilmu pengetahuan agama.

Nyatalah kejayaan yang cemerlang ini ialah hasil dari kerjasama pihak pemerintah dan ahli-ahli ulama. Pihak pemerintah memberi bantuan moral dan metarial yang tak terhingga baiknya. Khalifah Al-Mahdi pernah memberi hadiah yang baik kepada alim ulama dan ahli-ahli syair. Beliau sendiri mempelajari bahasa Arab dengan sedalam-dalamnya, mempelajari al-Qur'an, syair, menghafaz pepatah-pepatah dan syair-syair yang terpilih. Begitu juga Khalifah Harun al-Rashid mengumikan hadiah-hadiah, mengeluarkan bantuan-bantuan kepada penterjemah-penterjemah yang telah menterjemahkan bermacam-macam buku pengetahuan dari bahasa Greek dan Parsi. Dalam bidang memajukan kebudayaan dan peradaban ini bukan sahaja mendapat perhatian dan penghargaan dari khalifah-khalifah tetapi juga dari gabenor-gabenor yang tinggal di wilayah masing-masing turut serta campur tangan untuk menjalankan usaha menyebarkan pengetahuan dengan pesat sekali. Di samping kegiatan di dalam negeri, mereka menghantarkan pula wakil-wakil ke negeri Syam dan Qunṣṭāṭīyah untuk mencari kitab-kitab yang boleh menambahkan lagi perkembangan ilmu pengetahuan.

Di dalam tahun 830, sebuah rumah akademi "Darul Hikmah" telah didirikan sebagai pusat perkembangan kebudayaan dan kesenian. Lebih kurang tiga kurun lamanya lembaga akademi ini berjalan dengan lancarnya sebagai pusat penterjemahan yang terbesar. Para anggotanya terdiri dari sarjana-sarjana bahasa Greek, Parsi dan Arab. Tugas mereka ialah menterjemah buku-buku Parsi dan India ke dalam bahasa Arab, serta memperbaiki terjemahan-terjemahan yang telah dilakukan oleh anggota yang terdahulu.

Pusat akademi ini ialah satu-satunya perpustakaan yang didirikan oleh pemerintahan Islam bertujuan mengembangkan ilmu pengetahuan dan peradaban dalam Islam

Dengan usaha yang telah tersebut di atas nyatalah bagaimana besarnya jasa kaum Muslimin dalam menciptakan peradaban dunia iaitu dengan berpindah ke Eropah kemudiannya. berbagai-bagi buku ilmu pengetahuan dari semua jurusan seperti falsafah, mantik, matematik, muzik, falak undang-undang, kedoktoran dan sebagainya telah dapat diusahakan oleh kaum Muslimin dengan baiknya.

Kira-kira satu kurun lamanya kegiatan menterjemah, menyalin, menyaring buku-buku asing ke dalam bahasa Arab, telah diusaha oleh bijak pandai dengan kerjasama pihak pemerintah, maka daya mencipta dengan tenaga sendiri pula mengambil tempat dan muncullah pengarang-pengarang dan ahli-ahli fikir Islam yang terkemuka memeras otak dan tenaga untuk menciptakan karya-karya yang besar-besarkan dari semua lapangan ilmu pengetahuan. Dalam ilmu kedoktoran dan falsafah kita bersua dengan tokoh-tokoh seperti al-Razi, Ibn Sina, al-Kindi dan al-Farabi.

Al-Razi telah berjaya mengeluarkan karyanya yang besar iaitu sebuah ensiklopedia ilmu kedoktoran dan diberi nama “*al-Hāwā*”. Buku ini mempunyai 20 jilid semuanya. Hasil karya ini bukan sahaja mendapat perhatian di kalangan orang-orang Islam tetapi juga di kalangan bangsa asing. Dalam tahun 1279 buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin oleh seorang Yahudi yang bernama Farj bin Salam.

Ibn Sina juga bukan sahaja filsuf malah sebagai doktor yang terkemuka. Beliau telah berjaya mengarang sebuah buku ilmu kedoktoran bernama “*al-Qānūn fī al-Tibb*” (Undang-undang Kedoktoran), dan telah disalin ke dalam bahasa Ibrani dan Latin. Buku ini telah dijadikan sebagai tempat ambilan (*reference*) bagi mahasiswa-mahasiswa di universiti Islam semenjak dari kurun yang ke-12 hingga kurun yang ke-17. Beberapa buah bukunya dari 100

jenis hasil karyanya telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa dan menjadi bahan penyelidikan yang utama dalam ilmu kedoktoran di barat.

Dalam ilmu kimia kita bersua dengan Jabir bin Hayyan yang telah berjasa besar kepada perkembangan ilmu kimia moden hari ini. Dalam hubungan ini Leclere telah mensifatkan bahawa Jabir bin Hayyan telah menatapi kedudukan yang sama dengan Hippocrates. Ia dalam sejarah kimia dan Hippocrates dalam sejarah perubatan.

Sebagai bapa ilmu kimia beliau telah mengarang tidak kurang dari 100 buah buku yang bertemu berkenaan ilmu kimia dan menjadi punca kejayaan para doktor hari ini.

Dalam tahun 1144 sebuah buku kimia yang besar bernama *Book of Composition of Alchemeny* telah disalin oleh Robert of Chester. Dalam tahun 1187 bukunya yang bernama *The Book of Seventy* telah disalin oleh, Genard Van Gremona. Kemudian dalam tahun 1678 Richard Rusil pula telah menerjemahkan bukunya yang bernama *Sun of Perfection*

Seorang tokoh yang terkemuka ialah Ibn al-Baythar al-Maliki. Beliau pernah mengembara dari pantai Lautan Tengah, terus ke Sepanyol sampai ke Suria bertujuan semata-mata untuk mengumpul daun-daun untuk dijadikan bahan ramuan perubatan. Tak kurang daripada 1.400 tumbuh-tumbuhan yang telah dipelajarinya. Kemudian hasil penyiasatan dan kajian itu ditulis dalam sebuah bukunya bernama “*Kitāb Ibn al-Baythar*”

Dan banyaklah lagi tokoh-tokoh kedoktoran, falsafah dan sarjana-sarjana Islam yang tengah berjasa kepada dunia ilmu pengetahuan. Dan hasil karya mereka menjadi bahan penyelidikan penting dalam jurusan perkembangan kemajuan hari ini.

Kegiatan kaum Muslimin dalam semua jurusan ilmu pengetahuan ini telah menghasilkan gedung perpustakaan

dan perbendaharaan buku-buku dan kitab-kitab yang menjadi sumber kemajuan dunia moden hari ini di mana pada suatu masa lampau kita dapat dalam wilayah Islam mempunyai perpustakaan yang penuh dengan aneka buku pengetahuan yang belum pernah terdapat dalam sejarah sedemikian banyaknya.

Di Sepanyol, setelah Islam mengembangkan sayapnya dan bertapak di sana, para pejuangnya telah berjaya menyebarkan ilmu pengetahuan kepada penduduknya sehingga bandar Qurtubah (Cordova) menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang terbesar. Untuk melancarkan perkembangan ilmu pengetahuan ini, 27 buah perguruan tinggi Islam dan universiti telah didirikan. Di samping itu terdapat pula beberapa taman bacaan yang diantaranya mempunyai buku sebanyak empat ribu jilid.

Di Masjid Cordova yang terkenal itu telah menjadi sebuah universiti Islam yang mana menjadi tumpuan segenap alim ulama, sarjana-sarjana dari segenap pelosok timur dan barat. Dari bandar Cordova ini lahirlah pujangga-pujangga, profesor-profesor, seniman dan ahli-ahli falsafah Islam yang terkemuka yang telah memegang peranan penting dalam menyebarkan peradaban dunia.

Sebuah perbendaharaan yang banyak buku-bukunya ialah Perpustakaan Khalifah Bani Umayyah di negeri Sepanyol. Perpustakaan ini mengandungi tujuh ratus ribu jilid, fihrasatnya sahaja sebanyak 44 jilid. Di negeri Sepanyol Islam pada zaman itu mempunyai perpustakaan sebanyak 70 buah; dan perpustakaan ini dijadikan Perpustakaan umum *public library* yang sentiasa dibuka kepada orang ramai.

Di Mesir juga mempunyai perpustakaan kitab-kitab yang banyak. Sebesar-sebesar perpustakaan ialah Perpustakaan Khalifah dari kerajaan Fatimiyyah. Oleh kerana kitab-kitab dan bukunya terlampaui banyak maka bilangannya yang tepat tak dapat dipastikan. Akhirnya kitab-kitab ini telah dibeli oleh kadi al-faqil Abdul Rahman bin Ali al-Bisini, kemudian diwakafkan kepada

sekolahnya yang bernama “*al-Fāḍaliyah*” di Kaherah. Jumlah kitabnya itu kira-kira seratus ribu jilid.

Oleh kerana sesuatu perkara yang ada di atas bumi ini ada awal dan akhirnya, ada masa lahir dan tumbuhannya, ada masa maju dan mundurnya, maka semua kegiatan dan hasil karya yang begitu banyak, sebagaimana yang tersebut di atas, adalah menjadi kenangan-kenangan belaka, semuanya sudah hilang dan dibinasakan.

Setelah bandar Baghdad jatuh ke tangan tentera, maka perbendaharaan buku-buku turut pula termusnah. Kitab-kitab dibakar dan dicampak ke dalam sungai. Menurut ceritanya, kitab-kitab itu dicampak ke dalam Sungai Furat hingga boleh dibuat jambatan untuk menyeberangi sungai itu.

Begitu juga perpustakaan di Sepanyol telah dibakar dan dimusnahkan. Setelah Sepanyol terlepas dari tangan Islam, maka perbendaharaan buku-buku yang begitu banyak telah dibakar di Tasik Cordova. Oleh kerana kitab-kitab itu terlampaui banyak bilangan maka kerja pembakarannya dilakukan selama kira-kira setengah kurun lamanya.

Akhirnya segala hasil karya yang sekian banyak dan sekian lama diusahakan oleh kaum Muslimin itu (kebanyakannya- P.Q) hilang lenyap menjadi mangsa keganasan seteru-seteru Islam, cuma sekarang ini hanya tinggal kenangan-kenangan dalam lipatan sejarah sahaja.

Sekianlah serba ringkas berkenaan kegiatan kaum Muslimin di lapangan ilmu pengetahuan yang dapat saya susunkan untuk pengetahuan kita bersama moga-moga ada faedahnya. Wa bi Allāhi tawfīk.

---

Tempat ambilan:

1. Dr. Ibrahim Biyaumi Madkur dan al-Ustaz Yusuf Karim: *Durūs fī Tārīkh al-Falsafah*
2. Syaikh Muhammad al-Khudri Bik. *Muḥādirāt Tārīkh al-Amma al-Islamiyah – al-Dawlah al-‘Abbasiyah*.
3. Mustafa Abdul Rahman – Kebudayaan Islam
4. Nota-nota pelajaran-pelajaran, majalah-majalah dan akhbar-akhbar.